

Pengenalan *Tawjih Rasm Uthmani* dan Hubungannya dengan Ilmu Tafsir

Muhamad Fadlly Ismail¹, Wan Ruswani Wan Abdullah² & Wahidah Mat Said³

¹Jabatan Quran Sunah, Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah

^{2&3}Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah

Abstrak

Rasm Uthmani merupakan salah satu daripada cabang ilmu al-Quran. Penyusunan ilmu ini merupakan antara usaha dan inisiatif yang dilakukan oleh para ulama besar terdahulu demi memartabatkan al-Quran dalam masyarakat Islam. Hasil penelitian mendapati *Tawjih Rasm Uthmani* ini mempunyai kaitan dengan ilmu Tafsir di mana setiap perkataan al-Quran itu ditulis dengan mengambil kira aspek perbezaan penulisan al-Quran. Ilmu Tafsir pula merupakan ilmu yang membuka dan menjelaskan maksud yang sukar dari suatu lafaz perkataan di dalam al-Quran. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti metode asas *Rasm Uthmani* yang diguna pakai oleh penulisan teks al-Quran. Kajian ini juga menganalisis keistimewaan *Rasm Uthmani* dalam hubungan dengan ilmu Tafsir. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang berbentuk pengumpulan data daripada sumber primer dan sekunder. Data dikumpulkan daripada buku-buku yang relevan dengan tajuk kajian. Bagi mendapatkan analisis data yang tepat, kajian ini menggunakan sumber primer dan sekunder di samping meneliti metode *Rasm*. Kajian komparatif digunakan dalam membuat analisis perbandingan dan kesimpulan terhadap data-data yang diperolehi. Hasil kajian mendapati dari sudut keistimewaan kaedah *Rasm* hubungannya dengan Ilmu Tafsir, antaranya ialah meluaskan maksud perkataan, perkaitannya dengan sebab nuzul dan kesesuaiannya dengan wajah *Qiraat* yang pelbagai. Kajian ini mencadangkan usaha menyelidik manuskrip-manuskrip berkaitan ilmu *Rasm* yang masih belum ditemui atau yang belum dicetak diteruskan agar menjadi sumbangan kepada bidang ilmu ini terutama dalam penulisan mushaf.

Kata Kunci: *Rasm Uthmani*, *Rasm Imla'i*, ilmu Tafsir

Perkembangan Artikel

Diterima: 12/5/2020

Disemak: 11/11/2020

Diterbitkan: 15/12/2020

Penulis Utama:

Muhamad Fadlly Ismail
Jabatan Quran dan Sunah,
Fakulti Pengajian Islam,
Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS),
Kuantan, Pahang, Malaysia

E-mel:

fadlly@kuipsas.edu.my

Pengenalan

Rasm Uthmani merupakan salah satu daripada cabang-cabang ilmu al-Quran. Penyusunan ilmu ini merupakan antara usaha dan inisiatif yang dilakukan oleh para ulama besar terdahulu dalam memartabatkan al-Quran kepada masyarakat Islam. Antara ciri pemeliharaan yang boleh disaksikan hingga ke hari ini ialah keutuhan ejaan huruf dan tulisannya. Ini terjadi kerana al-Quran bukan sahaja diriwayatkan bacaannya, tetapi bentuk tulisan dan huruf perkataannya juga telah diriwayatkan oleh ulama *Rasm*. Terutama ejaan huruf pada perkataan-perkataan yang terdapat dalam penulisan *Rasm Uthmani*.

Ulama-ulama *Rasm* telah menghasilkan banyak kitab dalam bidang ini bertujuan supaya ejaan huruf perkataan-perkataan al-Quran kekal utuh sepanjang zaman. Telah diketahui umum bahawa pencapaian orang Arab Jahiliyah begitu tinggi dalam bidang kesusasteraan, namun apa yang dibawa oleh al-Quran terlalu jauh bezanya. Keindahan bahasa, susunan ayat, gaya persembahan, ketetapan kaedah dan kekuatan hujah memperlihatkan mutu al-Quran begitu tinggi berbanding dengan bahasa biasa yang ditulis, walaupun oleh tokoh-tokoh bahasa.

Menguasai kemahiran *Rasm* akan memantapkan lagi pembacaan al-Quran kerana terdapat sebahagian ejaan *Rasm* yang berbeza dengan ejaan biasa dan dapat menambahkan keyakinan pembaca terhadap isi kandungan ayat-ayat yang diwahyukan oleh Allah SWT.. Tanpa pengetahuan tentangnya mungkin pembaca al-Quran akan tersalah dalam pembacaan al-Quran tersebut. Justeru, menguasai kemahiran ilmu *Rasm* merupakan satu kewajipan dan perlu dipelajari oleh masyarakat Islam bagi membendung penyelewengan terhadap penulisan al-Quran oleh musuh-musuh dan golongan anti Islam.

Dalam pendahuluan ini, pengkaji akan memfokuskan beberapa aspek penting seperti pengenalan, latar belakang kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, pengenalan tajuk, skop kajian, kepentingan kajian, metodologi kajian, kaedah pengumpulan data, dapatan kajian, rumusan dan saranan.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Apabila memperkatakan tentang pemeliharaan penulisan al-Quran, kebanyakan ulama berpendirian tegas dalam memelihara keaslian ejaan setiap huruf dalam penulisan *mushaf*. Ini ialah kesungguhan para ulama untuk mengekalkan unsur *tawqifiyyah* sebagaimana kata Imam Malik r.a. ketika beliau ditanya, bolehkah menulis *mushaf* menggunakan ejaan perkataan yang biasa digunakan dalam komunikasi harian? Beliau menjawab:¹ “لَا أَرَى ذَلِكَ، وَلَكِنْ يُكْتَبُ عَلَى الْكُتَّابَةِ” “*Aku berpendapat mushaf hendaklah ditulis mengikut penulisan awal iaitu penulisan yang ditulis oleh penulis-penulis wahyu*”. Begitu juga Imam Ahmad bin Hanbal pernah menegaskan:² “تُحْرَمُ مُخَالَفَةُ حَطِّ مُصْحَفِ عُثْمَانَ فِي وَاوْ ، أَوْ أَلْفٍ ، أَوْ يَاءٍ ، أَوْ غَيْرِ ذَلِكَ”³. Bermaksud: “*Haram menyalahi ejaan mushaf Uthman pada huruf waw, alif, ya’ atau yang lainnya*”

Pandangan kedua-dua ulama ini menunjukkan bahawa mematuhi *Rasm Uthmani* merupakan perkara yang sangat penting dalam penulisan *mushaf*. Namun ada pula ulama seperti Abu Bakr al-Baqillani dan Ibn Khaldun yang beranggapan bahawa *Rasm Uthmani* ialah *istilahiyah* iaitu penulisan mengikut kaedah bahasa Arab dan tidak berdosa sekiranya menyalahinya demi kebaikan umat Islam. *Mushaf* yang diperkenalkan oleh Saidina Uthman r.a. merupakan *mushaf* yang disepakati oleh para sahabat r.a. lebih 12 ribu orang. Manakala pendapat ini disokong oleh generasi tabiin dan para imam yang muktabar seperti al-Shafi’e, Malik, Ahmad, Abu Hanifah, Abu Qasim al-Junayd dan lain-lain.³ Oleh yang demikian, ejaan dalam penulisan *mushaf* tidak boleh disamakan dengan penulisan-penulisan kitab-kitab lain. Kitab-kitab lain seperti ilmu Hadith, ilmu Nahu dan sebagainya tidak mempunyai ejaan yang khusus. Akan tetapi penulisan kitab al-Quran mempunyai cara dan kaedah yang tersendiri kadangkala langsung tidak mempunyai persamaan kaedah-kaedah ejaan biasa. *Rasm Imla’i* atau *Qiyasi* ialah membentuk sesuatu lafaz yang diucap dengan menggunakan ejaan huruf -

¹ Suyuti, ‘Abd al-Rahman bin Abi Bakr Jalal al-Din al (2004). *al-Itqan fi Ulum al-Qur’an*, Qaherah: al-Hay’ah al-Misriyyah al-‘Ammah, h. 168.

² Zarkashi, Abu ‘Abd Allah Badr al-Din Muhammad bin ‘Abd Allah al (1957). *al-Burhan fi ‘Ulum al-Qur’an*, Qaherah: al-Halabi, h. 379.

³ Zarkasyi, Abu ‘Abd Allah Badr al-Din Muhammad bin ‘Abd Allah al (1957). *al-Burhan fi ‘Ulum al-Qur’an*, Qaherah: al-Halabi, h. 380.

huruf.⁴ Jika ditinjau dari sudut sejarah perkembangan penulisan Arab, *Rasm Imla'i* pada asalnya adalah digunakan bagi tujuan berkomunikasi dan penyampaian maklumat sama ada dalam aktiviti perniagaan ataupun apa jua aktiviti yang berkaitan dengan hubungan sosial dan kemasyarakatan.⁵

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bermatlamat untuk mengkaji perkara-perkara berikut;

1. Mengetahui pasti pengenalan *taujih Rasm Uthmani*.
2. Menganalisis pengenalan *taujih Rasm Uthmani* dalam hubungan dengan ilmu Tafsir.

PERSOALAN KAJIAN

Kajian yang akan dijalankan ini adalah untuk menjawab beberapa persoalan yang berkaitan dengan tajuk kajian. Antara persoalan yang penting ialah:

1. Apakah pengenalan *taujih Rasm Uthmani*?
2. Sejauh manakah pengenalan *taujih Rasm Uthmani* dalam hubungan dengan ilmu Tafsir?

KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini dilakukan kerana kepentingan-kepentingan berikut:

1. Kajian ini dapat menjelaskan sebab utama perbezaan kaedah penulisan.
2. Kajian ini dapat menerangkan pengenalan *taujih* penulisan *mushaf* sebagaimana yang terdapat di dalam *mushaf* al-Madinah.
3. Kajian ini dapat mengkaji dengan lebih mendalam pentafsiran dalam kerangka mencungkil *I'jaz al-Quran* daripada aspek penulisan *Rasm Uthmani*.

SKOP KAJIAN

Kajian ini secara khusus adalah dalam bidang ilmu *Rasm Uthmani*. Dengan mengaplikasikan ilmu *Rasm Uthmani* melalui enam kaedah utama iaitu *al-Hadhf*, *al-Ithbat*, *al-Hamz*, *al-Fasl* dan *al-Wasl*, *al-Badal* dan yang ke-enam perkataan yang boleh dibaca oleh dua *Qiraat Mutawatirah* ditulis dengan salah satunya,⁶ pengkaji dapat menerangkan keistimewaan *Rasm Uthmani* melalui makna dan maksud yang tersirat dengan lebih meluas dan unik. Huruf-huruf yang di *hadhf* dalam penulisan *Rasm Uthmani* ialah lima huruf iaitu huruf *alif*, *waw*, *ya'*, *lam* dan *nun*.⁷ Dalam bab ini, pengkaji akan menganalisis keistimewaan contoh-contoh perkataan berikut berdasarkan kaedah tersebut. Topik-topik tersebut dilihat sebagai satu topik yang paling penting dalam ilmu penulisan al-Quran.

⁴ Asyraf Muhammad Fu'at Ta'at (2003). *Safir al-'Alamin Fi Idah wa Tahrir wa Tahbir Samir al-Talibin Fi Rasm wa Dabt al-Kitab al-Mubin*, j. 1. Brunei: Kementerian Pendidikan, h. 61.

⁵ Qadi, Abd al-Fattah al (1990). *al-Wafi fi Sharh al-Shatibi*. Jeddah: Maktabah al-Siwad li al-Tawzi, Cet 3, h.12.

⁶ Bermaksud perkataan yang mengandungi beberapa wajah Qiraat ditulis dengan salah satu daripadanya. Sebahagian perkataan dalam al-Quran mempunyai dua atau lebih bacaan yang berbeza. Oleh itu, bagi meraikan keseluruhan bacaan Qiraat yang terdapat dalam perkataan tersebut, ia ditulis dengan satu kaedah yang tertentu. *Samir al-Talibin fi Rasm wa Dabt al-Kitab al-Mubin*, Qahirah: Maktabah al-Azhariyah li Turath, h. 52.

⁷ Al-Marighni, *Dalil al-Hayran*, h. 66.

METODOLOGI KAJIAN

Untuk memenuhi segala aspek yang diperlukan, metodologi ini adalah dianggap penting dan amat sesuai untuk menyempurnakan persoalan-persoalan dalam kajian ini.

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang berbentuk pengumpulan data daripada sumber primer dan sekunder.

Kaedah Pengumpulan Data

Data dikumpulkan daripada buku-buku yang relevan dengan tajuk kajian. Dalam ilmu *Rasm*, banyak melibatkan kenyataan-kenyataan yang dipetik daripada karya-karya ilmu *Rasm* dalam bentuk periwayatan ulama *Rasm* tentang ejaan ayat-ayat al-Quran daripada *mushaf-mushaf Uthmaniah*.

Pengumpulan sejumlah besar dokumen yang berkaitan termasuklah rujukan-rujukan yang menjadi sumber primer kajian dan sumber sekunder yang mempunyai kaitan dengan topik kajian. Selain itu, pengumpulan beberapa buah manuskrip dan karya-karya ilmu *Rasm* turut dilakukan bertujuan memperkaya sumber rujukan serta dapat mengukuhkan lagi dapatan kajian.

Analisis Data

Bagi mendapatkan analisis data yang tepat, kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan sebagai metodologi penganalisan data di samping meneliti kaedah *Rasm*. Kajian komparatif digunakan dalam membuat analisis perbandingan dan kesimpulan terhadap data-data yang diperoleh. Pengkaji menggunakan metodologi ini dalam membuat perbandingan dan kesimpulan terhadap data-data yang diperoleh. Perbandingan ini dibuat berdasarkan analogi, kekuatan hujah dan kefahaman yang dimiliki oleh pengkaji. Pengkaji menganalisis dengan cara menghalusi setiap fakta dan selanjutnya menyimpulkan kepada suatu kesimpulan yang bersifat global.

Dapatan Kajian

Analisis keistimewaan *Rasm* ini bertujuan untuk mengkaji dengan lebih mendalam pentafsiran dalam kerangka mencungkil *I'jaz al-Quran* daripada aspek penulisan *Rasm Uthmani* dengan mengaplikasikan ilmu *Rasm Uthmani* melalui enam kaedah utama iaitu *al-Hadhf*, *al-Ziyadah*, *al-Hamz*, *al-Badal*, *al-Fasl* dan *al-Wasl* dan perkataan yang boleh dibaca oleh dua *Qiraat mutawatirah* ditulis dengan salah satunya.⁸

Kaedah *al-Hadhf*

Perkataan “ نَكَّالًا / نَكَّالٌ ”:

Perkataan “ نَكَّالٌ ” ini hanya terdapat tiga tempat⁹ sahaja di dalam al-Quran maka satu perkataan ditulis *hadhf* alif dan dua perkataan ditulis dengan *ithbat* alif. Huraian *mufasssir*in memberi maksud perkataan “ نَكَّالٌ ” adalah amaran yang perlu diambil perhatian oleh setiap umat manusia. Namun begitu, perbezaan ini wujud daripada aspek sasaran penggunaan perkataan berkenaan. Jika perkataan “ نَكَّالٌ ” ditulis dengan *ithbat* alif seperti “ نَكَّالًا ” maka maksud ayat berkenaan lebih kepada amaran buat diri Firaun itu sendiri. Amaran yang menimpa ke atas Firaun iaitu tenggelamnya hanya dapat dilihat oleh orang yang berada di tempat kejadian sahaja

⁸Sya'ban Muhammad Isma'il (2008). *Rasm Mushaf wa Dabtu*h, Makkah: Maktabah Ihya' Turath al-Islami, h. 39.

⁹ Al-Baqarah (2): 66, al-Maidah (5): 38 dan al-Nazi'at (79): 25.

dan tidak lebih dari itu. Adapun bagi mereka yang berada di tempat lain hanya boleh mengambil iktibar melalui penceritaan daripada mereka yang melihat kejadian tersebut.¹⁰

Manakala perbezaan jelas sekiranya perkataan “ نَكَال ” ditulis dengan *hadhf* alif seperti perkataan “ نَكَال ” yang terdapat di dalam surah al-Nazi‘at memberi maksud pengajaran untuk dilihat oleh orang yang hidup pada zaman itu dan selepasnya iaitu orang yang dihukum masih hidup dan kesannya dapat dilihat oleh mereka yang bersama pada zaman itu. Hukuman itu mencegah terhadap mereka dari melakukan apa yang telah dilakukan oleh umat-umat terdahulu daripada mereka.¹¹

Maka berdasarkan ketepatan penulisan *Rasm*, perkataan “ نَكَال ” yang disepakati dengan *hadhf* alif adalah kerana kitab-kitab ilmu *Rasm* sepakat meriwayatkan perkataan tersebut dengan *hadhf* alif.¹² Dalam pemerhatian pengkaji, kaedah *hadhf* alif hanya bagi perkataan-perkataan yang disenaraikan di dalam kitab *al-Muqni*’ sahaja.

Kaedah *al-Ithbat*

Perkataan “ دَاخِرِينَ ”

Perkataan “ دَاخِرِينَ ” ini hanya terdapat dua¹³ tempat sahaja di dalam al-Quran ditulis satu *Rasm hadhf* alif dan satu *ithbat* alif. Menurut al-Kharraz yang bermaksud: “Bentuk yang dikekalkan itu berada pada tempat terakhir sekali dalam al-Quran”.¹⁴ Perbezaan jelas sekiranya perkataan “ دَاخِرِينَ ” ditulis dengan *hadhf* alif pada surah al-Naml memberi maksud ketundukan yang hakiki daripada hamba kepada Tuhannya. Manakala sekiranya perkataan “ دَاخِرِينَ ” ditulis dengan *ithbat* alif surah Ghafir menunjukkan maksud tunduk dalam keadaan kehinaan, malu dan penuh dengan penyesalan. *Rasm* seperti ini biasanya ditujukan kepada seseorang hamba yang tunduk kerana bersalah dan berdosa. Berkata Ibn Ashur dalam mentafsirkan surah al-Ghafir pada ayat 60 bermaksud: “Bahawa orang yang ingkar daripada ajaran Allah SWT. pada Hari Kiamat kelak akan masuk dalam Neraka dengan keadaan tunduk kehinaan dan menyesal kerana dahulunya kufur terhadap nikmat pemberian Allah SWT. yang telah menjadikan siang dan malam buat mereka”.¹⁵

Kaedah *al-Hamz*

Perkataan “ ضُعْفَاءُ / الضُّعْفُو ”

Perkataan “ ضُعْفَاءُ ” ditemui di dalam al-Quran sebanyak empat tempat.¹⁶ Dua tempat ditulis huruf hamzah tanpa rumah *waw* dan dua tempat ditulis huruf hamzah memiliki rumah *waw*.¹⁷ Perkataan “ ضُعْفَاءُ ” dalam ilmu Bahasa Arab ia adalah dalam bentuk *Jama*’ *Taksir* yang berasal dari kata akar “ ضَعِيفٌ ”. Asal ertinya ialah ‘yang lemah’.¹⁸ Kaedah umum menunjukkan *Jama*’ *Taksir* tidak mempunyai kaedah yang khusus dalam ejaan *Rasm Uthmani*. Manakala perkataan “ الضُّعْفُو ” *Rasm* yang berbeza iaitu huruf hamzah di atas rumah *waw* sebanyak dua tempat

¹⁰ Ibn Kathir, Abu Fida’ Isma‘il bin ‘Umar, *Mukhtasar Tafsir Ibn Kathir*, Lebanon: Dar al-Ma‘rifah, h. 21.

¹¹ Ibn Kathir, Abu Fida’ Isma‘il bin ‘Umar, *Mukhtasar Tafsir Ibn Kathir*, Lebanon: Dar al-Ma‘rifah, h. 22.

¹² Al-Dabba’, *Samir al-Talibin*, h. 66-97.

¹³ Al-Naml (27): 87 dan al-Ghafir (40): 60.

¹⁴ Kharraz, Muhammad bin Muhammad al-Amawi al(2013). *Manzumah Mawrid al-Zam’an fi Rasm al-Qur’an wa Matn al-Dhaly fi al-Dabt*, ed. Ahmad Muhammad Fu’ad Tal‘at, Misr al-Ismailiyyah: Maktabah al-Imam al-Bukhari, h. 10.

¹⁵ Tunisi, Muhammad al-Tahir bin Muhammad bin Muhammad al-Tahir bin ‘Ashur al(2000). *Al-Tahrir wa al-Tanwir*, Bayrut: Muasasah al-Tarikh al-Arabi, h. 372.

¹⁶ Fu’ad Abd al-Baqi, *al-Mu’jam al-Mufahras*, h. 517.

¹⁷ Ibrahim (14): 21 dan Ghafir (40): 47.

¹⁸ Marbawi, Muhammad Idris bin Abd Rauf al(1998). *Qamus al-Marbawi, Arabi-Malayuwi*, Edisi ke-3, Kuala Lumpur: Dar al-Nu‘man, h.352.

sahaja di dalam al-Quran. Berkata Syeikh Muhammad Syamlul ditulis dengan menambah *Rasm* huruf *waw* di akhir perkataan “ الضَعْفُورَا ” bermaksud: “Tujuan untuk menarik perhatian para pembaca al-Quran bagi mengetahui sifat orang yang lemah memohon perlindungan kepada orang yang sombong seterusnya sama-sama menerima balasan daripada Allah SWT.. Ia juga menunjukkan betapa pentingnya tidak mengambil sikap orang yang sombong sebagai pemimpin bagi orang yang lemah tetapi hendaklah bergantung harap hanya kepada Allah SWT. dan mengikut ajaran yang dibawa oleh para Rasul.¹⁹

Al-Fasl dan al-Wasl

Perkataan “ أَمَّنْ / أَمْ مَنْ ”

Perkataan “ أَمْ مَنْ ” ini hanya terdapat empat tempat sahaja²⁰ di dalam al-Quran ditulis berasingan antara dua perkataan iaitu perkataan “ أَمْ ” dan perkataan “ مَنْ ”. Di samping itu, penulisan *Rasm Uthmani* boleh membawa sesuatu perkataan kepada pelbagai maksud dengan memisahkan atau mencantumkan sebahagian perkataan. Sebagaimana contoh ayat “ ك ك ك ” surah al-Nisa’ ayat 109 dan “ نُو نُو نُو ” surah al-Mulk ayat 22, jika terpisah perkataan “ أَمْ ” dan “ مَنْ ” akan membawa maksud “ بَلَّ ” iaitu dengan tanpa menyambungkannya.²¹ Menurut Sya’ban Muhammad Isma’il dalam *Rasm wa Dabtuh* menyatakan terputus perkataan “ أَمْ ” dan “ مَنْ ” adalah bermaksud terputusnya pertuturan antara ayat selepas dan sebelumnya di dalam al-Quran. Manakala beliau menyebut perkataan “ أَمَّنْ ” ditulis bersambung bagi menunjukkan maksud ayat berkenaan tidak terputus dan ada kaitan antara satu sama lain.²² Menurut pendapat Ali Juma’ah di dalam *I’jaz Rasm al-Qur’an*: “Sesungguhnya tujuan *al-Fasl* adalah untuk membezakan masalah-masalah yang perlu diberi keutamaan dalam sesuatu perkara dan perincian terhadap tafsiran.²³

Al-Badal

Perkataan “ كَمِشْكَاةٌ / كَمِشْكَوَةٌ ”

Perkataan “ كَمِشْكَوَةٌ ” ini hanya terdapat satu tempat²⁴ sahaja di dalam al-Quran ditulis secara *ibdal alif* kepada *waw*. Berdasarkan pendapat Ali Jum’ah yang menyatakan secara khusus bahawa perkataan ini ditulis dengan menggantikan huruf *alif* kepada huruf *waw* bermaksud: “Perkataan “ كَمِشْكَوَةٌ ” ialah perkataan khusus yang harus ditadabur oleh setiap mukmin dan berfikir maksud cahaya Allah SWT.”²⁵

Ma Fihi Qiraatan

Perkataan “ مَالِكٍ ”

Perkataan “ مَالِكٍ ” ini hanya terdapat dua tempat²⁶ sahaja di dalam al-Quran ditulis secara *ithbat* dan *hadhf* alif. Menurut Abu Hayyan bahawa Imam ‘Asim dan al-Kisaie membacanya dengan menambah huruf alif antara huruf mim dan lam. Bacaan ini merupakan bacaan para sahabat

¹⁹ Muhammad Syamlul (1427H). *I’jaz Rasm al-Qur’an wa I’jaz al-Tilawah*, Qaherah: Dar al-Salam, Bayrut, h. 159.

²⁰ Al-Nisa’ (4):109, al-Taubah (9):109, al-Safat (37):11 dan Fusilat (41):40.

²¹ Zarqani, Muhammad ‘Abd al-‘Azim al(1995). *Manahil al-‘Irfan Fi ‘Ulum al-Qur’an*, Bayrut: Dar al-Kitab al-‘Arabi, h. 376.

²² Sya’ban Muhammad Isma’il (2012). *Rasm Mushaf Wa Dabtuh*, Qaherah: Dar al-Salam, h.73.

²³ Ali Jum’ah Muhammad (2007). *I’jaz Rasm al-Qur’an wa I’jaz al-Tilawah*, Qaherah: Dar al-Salam, h. 191.

²⁴ Al-Nur (24):35.

²⁵ Ali Jum’ah Muhammad (2007). *I’jaz Rasm al-Qur’an wa I’jaz al-Tilawah*, Qaherah: Dar al-Salam, h. 168.

²⁶ Al-Fatihah (1):4 dan Al-Nas (114):2

dan tabien antaranya Ibn Mas'ud, Muadz bin Jabal, Ibn 'Abbas, Qatadah dan al-A'masy.²⁷ Imam al-Tabari berpendapat bahawa “مَالِك” berasal daripada perkataan “مَلِكًا” - “يَمْلِكُ” - “مَلِكٌ” yang membawa maksud memiliki seperti memiliki duit atau pakaian.²⁸ Justeru dalam konteks ia membawa makna bahawa tiada siapa yang menjadi pemilik pada hari itu melainkan Allah SWT.²⁹ Situasi ini menjelaskan bahawa hanya Allah SWT sahaja yang berhak ke atas hari tersebut selaku pemilik tunggal.

Manakala bacaan lain bagi perkataan tersebut adalah dengan membuang alif antara huruf mim dan lam “مَلِكٌ” seperti yang dibaca oleh Imam Nafi', Ibn Kathir, Abu 'Amru, Ibn 'Amir dan Hamzah. Qiraat ini juga dibaca oleh Abi Darda', Ibn 'Umar dan ramai para sahabat dan tabien. Perkataan “مَلِكٌ” daripada berasal “مَلِكًا” - “يَمْلِكُ” - “مَلِكٌ” yang membawa maksud raja. Maka bacaan ini membawa maksud bahawa pada Hari Kiamat nanti Allah SWT. merupakan raja yang sebenar dan yang menguasai makhluk-Nya pada hari tersebut. Hal ini sebahagian makhluk-Nya pernah menjadi “raja di dunia” malah berperang dan bergaduh deminya serta mempertahankan jawatan tersebut dengan penuh kebanggaan dan perasaan takabbur. Namun pada Hari Kiamat nanti, semua akan akur dan tunduk pada Raja sekalian raja, iaitu Allah 'Azza Wa Jalla.

RUMUSAN KAJIAN DAN SARANAN

Berdasarkan dapatan kajian ini, didapati bahawa *mushaf Rasm Uthmani* merupakan satu versi *mushaf* yang diwarisi daripada Sahabat r.a.. *Mushaf Uthmani* ini adalah berlainan daripada *mushaf Imla'i*. Kelainan antara *mushaf Uthmani* dan *mushaf Imla'i* dapat dilihat pada aspek kaedah *Rasm*. Menurut pendapat Syeikh Abd al-Mun'im Kamil Syair telah menyebut di dalam kitab beliau bertajuk *Al-I'jaz al-Qurani fi al-Rasm al-Uthmani*, *Rasm Uthmani* ialah kaedah atau cara penulisan perkataan-perkataan al-Quran pada *mushaf-mushaf* yang ditulis oleh para sahabat r.a. pada zaman pemerintahan Khalifah Uthman ibn Affan r.a. dan dihantar ke negara-negara Islam. Maka dinamakan kaedah ini dengan *Rasm Uthmani* adalah sandaran kepada Uthman bin Affan r.a. atas perintah beliau untuk menulis semula ayat-ayat al-Quran.³⁰ *Mushaf Uthmani* mempunyai metodologi *Rasm* tersendiri berasaskan kepada enam perkara iaitu *al-Hadhf*, *al-Ithbat*, *al-Hamz*, *al-Badal*, *al-Fasl* dan *al-Wasl* serta yang keenam *Ma Fih Qiraatan Kutiba ala Ihdahuma*. Manakala struktur *mushaf Imla'i* berasaskan kaedah *Rasm* penulisan bahasa Arab biasa yang dikenali dengan *Qaidah Imla'iah* iaitu membentuk sesuatu lafaz yang diucap dengan menggunakan ejaan huruf-huruf.³¹

Di sebalik kelainan kaedah penulisan *mushaf* ini, tersirat suatu rahsia yang masih belum diterokai semuanya. *Mushaf Uthmani* ini dinobatkan sebagai *mushaf* induk untuk terbitan dan percetakan al-Quran pada masa kini. Mana-mana versi *mushaf* yang tulisan tidak serupa dengan *mushaf Uthmani* dianggap tidak diakui kesahannya serta tidak wajar diguna pakai. Pembacaan al-Quran dengan menggunakan *mushaf Uthmani* merupakan penulisan yang menepati kehendak wahyu Allah SWT. dan dapat memantapkan bacaan al-Quran. Oleh itu, umat Islam dituntut mempelajari ilmu *Rasm* bagi tujuan menulis, membaca dan seterusnya menjaga kitab al-Quran yang mulia daripada sebarang penyelewengan dan perubahan.

Manakala hasil analisis dari sudut keistimewaan menunjukkan bahawa mematuhi kaedah *Rasm Uthmani* adalah penting dalam penulisan *mushaf* walaupun dalam perkara *al-Hadhf* atau *al-Ithbat* yang melibatkan huruf-huruf tertentu seperti huruf *alif*, *waw* atau *ya'* masih terdapat

²⁷ Abu Hayyan Muhammad bin Yusuf (2000), *Al-Bahru al-Muhith Fi al-Tafsir*. Dar al-Fikr, Bayrut, h. 35.

²⁸ Ibn Manzhur (1994), *Lisan al-'Arab*. Dar Shodir, Bayrut, h. 76.

²⁹ Al-Tabari Muhammad bin Jarir (2000), *Jami' al-Bayan Fi Ta'wil al-Quran*. Muassasah al-Risalah, h. 82.

³⁰ Abd al-Mun'im Kamil Syair (t.th.). *Al-I'jaz al-Qurani fi al-Rasm al-Uthmani*, Bayrut: Alam al-Kutub, h. 5.

³¹ Asyraf Muhammad Fu'ad Tal'at (2003). *Safir al-Alamin fi Idah wa Tahrir wa Tahbir Samir al-Talibin fi Rasm wa Dabt al-Kitab al-Mubin*, j. 1, Brunei: Kementerian Pendidikan, h. 61.

beberapa perkataan ditulis secara khilaf. Dari sudut keistimewaan kaedah *Rasm*, kajian mendapati bahawa antara keistimewaannya ialah meluaskan maksud perkataan, perkaitannya dengan sebab nuzul dan kesesuaiannya dengan wajah Qiraat yang pelbagai.

Seterusnya, rumusan kepada rumusan ialah perlu kajian lanjutan dalam mencari dan menyelidik manuskrip-manuskrip berkaitan ilmu *Rasm* yang masih belum ditemui atau yang belum dicetak seterusnya menjadi sumbangan kepada bidang ilmu berkenaan. Semoga kajian perintis ini akan disusuli oleh pengkaji-pengkaji seterusnya dan hasilnya nanti dapat menjadi rujukan penulisan *Rasm Uthmani* pada masa akan datang.

KESIMPULAN

Berdasarkan kajian ini, kebanyakan ulama menyatakan bahawa *Rasm Uthmani* adalah salah satu *amr tawqifi* dan bukan satu perkara baru yang dibuat oleh tangan penulis wahyu. Aliran ini juga menetapkan untuk menulis al-Quran adalah wajib hukumnya dengan *Rasm Uthmani*, tidak boleh dengan *Rasm Imla'i*. Antara mereka yang berpegang dengan pendapat ini ialah seperti imam mazhab fiqah yang empat, al-Zarkasyi, al-Suyuti, Ghanim Qadduri, Muhammad Sha'ri Abu Zayd dan lain-lain. Begitu juga *Lujnah* Fatwa Universiti al-Azhar, Mesir telah menolak cadangan penulisan *mushaf* berasaskan kaedah *Rasm Imla'i*.

Oleh yang demikian, pengkaji juga menyarankan agar setiap individu Muslim haruslah mempelajari dan memahami kaedah penulisan al-Quran mengikut *Rasm Uthmani* ini. Hal ini kerana, mereka yang memahami dan menguasai kaedah penulisan al-Quran ini akan dapat mengaplikasikannya dalam pembacaan ayat-ayat al-Quran. Ia juga dapat mengenal pasti kesalahan-kesalahan yang berlaku dalam penulisan al-Quran di samping menghayati sejarah bermulanya ilmu *Rasm* ini.

RUJUKAN

- ‘Abd al-Karim Ibrahim ‘Iwad Salih. (2006). *al-Muthaf fi Rasm al-Mushaf*, Tanta: Dar al-Sahabah.
- ‘Abd al-Sabur Syahin (2007). *Tarikh al-Qur’an*. Qaherah: Nahdah Misr.
- ‘Abdullah bin Muhammad Basmih. (1983). *Tafsir Pimpinan Rahman*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.
- Abu Dawud Sulayman bin Najah. (2002). *Mukhtasar al-Tabyin li Hija’ al-Tanzil*, ed. Ahmad Syarsyal, Saudi: Majma’ Al-Malik Fahd.
- Ahmad Syarsyal. (2002). *al-Tawjih al-Sadid fi Rasm Dabt al-Qur’an al-Majid*, Qatr: Kulliyah al-Syari’ah Wa al-Qanun.
- Banna’, Ahmad bin Muhammad al. (2006). *Ithaf Fudala’ al-Basyar fi al-Qiraat al-Arba’ah ‘Asyar*, ed. Anas Maharah. Lubnan: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Dabba’, ‘Ali bin Muhammad al. (t.t). “*Samir al-Talibin fi Rasm wa Dabt al-Kitab al-Mubin*.” Dalam *al-Imta’ bi Jam’ Mu’allafat al-Dabba’*. Jilid ke-3. Kuwait: Qita’ al-Masajid.
- Ghānim Qadwuri al-Hamad. (1982). *Rasm al-Mushaf: Dirāsah Lughawiyah Tārikhiyyah*, Baghdad: al-Lajnah al-Wataniyyah.
- Ibn Durays, ‘Abd Allah Muhammad bin Ayyub bin Durays. (1987). *Fada’il al-Qur’an*, Bayrut: Dar al-Fakr.
- Ibn Kathir, Abu Fida’ Isma’il bin ‘Umar. (1997). *al-Bidaya Wa al-Nihayah*, Qaherah: Hajar Bin.
- Ibrahim bin Sa’id al-Dawsari. (1429H). *Mukhtasar al-‘Ibarat li Mu’jam Mustalahat al-Qiraat*, Riyad: Dar al-Hadarah.
- Manna’ al-Qattan. (1995). *Mabahith Fi ‘Ulum al-Quran*. Qaherah: Maktabah Wahbah.

- Muhammad ‘Abd al-‘Azim al-Zirqani. (1995). *Manahil al-‘Irfan Fi ‘Ulum al-Qur’an*, Bayrut: Dar al-Kitab al-‘Arabi.
- Muhammad bin Yusuf bin Mu‘adh al-Jahani al-Andalusi. (t.t). *Kitab al-Badi‘ fi Ma‘rifah ma Rusim fi Mushaf ‘Uthman ra*, Ghanim Qadwuri al-Hamad (*tahqiq*). Jordan: Dar ‘Ammar.
- Muhammad Syamlul (1427H). *I’jaz Rasm al-Qur’an wa I’jaz al-Tilawah*, Qaherah: Dar al-Salam, Bayrut.
- Nasysyar, Abu Hafs Siraj al-Din ‘Umar bin Zayn al-Qasim al-Ansari al-. (2000). *al-Budur al-Zahirah fi al-Qiraat al-‘Asyr al-Mutawatirah*. ‘Ali Muhammad Mu‘awwad (*tahqiq*). Bayrut: ‘Alam al-Kutub.
- Qurtubi, Abu ‘Abdullah Muhammad bin Ahmad al-(2003). *al-Jami‘ Li Ahkam al-Quran*, Riyad: Dar ‘Alam al-Kutub.
- Sayyid Qutb. (1412H). *Fi Zilal al-Quran*, Qaherah: Dar al-Syuruq.
- Sya‘ban Muhammad Isma‘il. (2008). *Rasm Mushaf Wa Dabtuh*, Makkah: Maktabah Ihya’ Turath al-Islami.
- Syinqiṭi, Muḥammad Ḥabib Allāh al-. (1972), *Iqāz al-A‘lām li Wujūb Ittibā‘ Rasm al-Muṣḥaf al-Imām ‘Uthmān Ibn ‘Affān*, Syria: Maktabah al-Ma‘rifah.